

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, November 25, 2018 11:03 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Wacana Perjelas Isu Dan Cabaran PTPTN



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

25 NOVEMBER 2018 / 17 RABIULAWAL 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

WACANA PERJELAS ISU DAN CABARAN PTPTN



UUM ONLINE: Program Wacana Pendidikan Tinggi PenDaPaT 2018 PTPTN: Antara Akses, Ekuiti dan Kelestarian mengupas DNA PTPTN dalam menghadapi isu dan cabaran pembiayaan pendidikan tinggi di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen, UUM.

Wacana intelektual itu dianjurkan oleh Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi (PenDaPaT) dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Berita Harian.

Menurut Pengerusi PenDaPaT, Prof. Dato' Dr. Norzaini Azman, PenDaPaT sebuah badan profesional dan pertubuhan NGO bermatlamat untuk memberi pandangan, maklum baklas serta cadangan berkaitan dasar dan amalan pendidikan tinggi negara

"Dalam era kerajaan Baharu PenDaPaT memberi input terhadap dasar baharu dengan mengemukakan beberapa cadangan seperti menyantuni pemansuhan AUKU, memperteguh kelestarian PTPTN, mengembalikan ekosistem dan budaya akademik tulen berasaskan kecemerlangan.

"Penilaian semula skim perkhidmatan ahli akademik, mengimbangi sistem penarafan ranking universiti dengan etika akademik, menjamin graduan pascasiswazah berkualiti dan mengembalikan peranan asal ahli akademik," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim berkata, topik yang dibincangkan amat penting kerana sistem pembiayaan pendidikan tinggi yang efisien dan lestari akan menjamin peluang kepada generasi seterusnya.

Jelasnya, sejak PTPTN ditubuhkan, lebih 2.8 juta peminjam telah mendapat manfaat dengan jumlah pinjaman melebihi RM50 bilion.

"Walaubagaimanapun PTPTN berdepan dengan masalah bayaran balik pinjaman oleh para graduan yang memberi kesan kepada keupayaan PTPTN untuk memberi pinjaman.

"Sekiranya masalah ini dibiarkan maka kemungkinan besar PTPTN akan lumpuh dan tidak mampu lagi berfungsi sebagai pemberi pinjaman kepada jutaan pelajar yang memerlukan," ucapnya.

Wacana ini menjadi platform kepada orang awam terutama pelajar untuk memahami dengan lebih mendalam tentang pembiayaan PTPTN, peranan dan juga kaedah bagi penambahbaikan sistem sedia ada.

Antara isu yang dibincangkan seperti Siapa yang sepatutnya membiayai pendidikan tinggi? Apakah pinjaman merupakan kaedah terbaik bagi membiayai pendidikan? Apakah cara terbaik untuk memastikan bayaran balik pinjaman yang tidak membebankan?

Isu dibincang secara mendalam termasuk berkaitan mekanisme bayaran balik yang disentuh di dalam Belanjawan 2019 baru-baru ini, iaitu pembayaran balik berdasarkan kepada peratusan kepada pendapatan atau lebih dikenali sebagai *Income Contingent Loan* atau ICL.

Pensyarah UUM yang juga Timbalan Pengerusi PenDaPaT, Prof. Dr. Rosna Awang Hashim sebagai moderator yang membariskan panel terdiri daripada Timbalan Ketua Eksekutif, Dasar dan Operasi PTPTN, Mastura Mohd Khalid; Pengarah Pengasas Bait Al-Amanah, Dr. Abdul Razak Ahmad; pensyarah di Pusat Pengajian Ekonomi Kewangan dan Perbankan, UUM COB, Prof Dr. Russayani Ismail serta Ketua Sumber Manusia Bank Islam Malaysia Berhad, Razman Ismail.

Sempena wacana ini juga PTPTN menyediakan 'booth' untuk orang ramai mendapat info berkaitan simpanan SSPN atau persoalan berkaitan PTPTN.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.